

## SEBELUM TRANSFORM



## SELEPAS TRANSFORM



自立合作社  
**KOJADI**  
KOPERASI JAYADIRI MALAYSIA BERHAD

AKTIVITI EKONOMI UTAMA NASIONAL  
NATIONAL KEY ECONOMIC AREAS  
(NKEA)

Pemborongan dan Peruncitan

**PROJEK  
TRANSFORMASI  
KEDAI RUNCIT  
(TUKAR)**



自立合作社  
**KOJADI**  
KOPERASI JAYADIRI MALAYSIA BERHAD

**Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad (KOJADI)**

11th Floor, Wisma MCA  
163, Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur  
Tel: +6 03 2161 6499  
Fax: +6 03 2161 2840

Email: [contact@kojadi.com.my](mailto:contact@kojadi.com.my)  
Website: <http://kojadi.my>



**KOPERASI JAYADIRI MALAYSIA BERHAD (KOJADI)**

Tel: +6 03 2161 6499  
Website: <http://kojadi.my>



## TRANSFORMASI KEDAI RUNCIT (TUKAR)

**Program Transformasi Ekonomi** atau **Economic Transformation Programme (ETP)** adalah satu usaha komprehensif Kerajaan untuk mentransformasikan Malaysia ke arah sebuah Negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Sasarannya adalah untuk meningkatkan pendapatan negara kasar (PNK) per kapita Malaysia dari lebih kurang RM23,700 pada 2009 kepada lebih kurang RM48,000 pada 2020 dengan mewujudkan 3.3 juta peluang pekerjaan. Program ini akan menfokuskan kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara atau National Key Economic Areas (NKEA).

Salah satu daripada 12 NKEA yang akan dilaksanakan ialah Pemborongan dan Peruncitan. Di bawah NKEA Pemborongan dan Peruncitan, sebanyak 13 *Entry Points Projects (EPPs)* telah dikenalpasti yang akan menyumbang sebanyak RM83.4 billion Gross National Income (GNI) dan mewujudkan lebih 370,000 peluang pekerjaan baru sepanjang 10 tahun akan datang.



SEBELUM

Projek Transformasi Kedai Runcit atau TUKAR adalah merupakan EPPs yang bertujuan untuk memodenkan kedai runcit tradisional bagi meningkatkan tahap daya saing dalam persekitaran perniagaan peruncitan yang kompetitif melalui:

- Membangunkan kedai-kedai runcit tempatan jenis 'mom and pop';
- Meningkatkan tahap kompetitif peruncit dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan;

- tingkatkan keupayaan perkhidmatan pelanggan;
  - selarikan kualiti proses perniagaan secara menyeluruh;
  - promosikan rantai penawaran yang berkos efektif dan efisien;
  - galakkan jualan produk berkualiti melalui pelbagai langkah; dan
- Menyediakan peruncit untuk pelaksanaan Goods and Services Tax (GST).



SELEPAS

### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:

- Perniagaan 100% milik tempatan (milik tunggal / perkongsian / Sdn Bhd).
- Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- Mempunyai lesen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sah untuk mengusahakan kedai runcit.
- Pemilik kedai runcit berumur 18 tahun atau ke atas dan tidak melebihi umur 60 tahun semasa pembayaran bulan terakhir pinjaman.
- Kedai runcit telah beroperasi sekurang-kurangnya satu tahun atau mempunyai pengalaman berniaga, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.
- Keluasan kedai runcit tidak melebihi dua pintu kedai atau 2,500 kaki persegi.
- Rekod yang baik dengan institusi kewangan.

### PEMBIAYAAN PINJAMAN PROJEK TUKAR:

Pembiaya: Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad (KOJADI)  
Skop Pembiayaan:

- Pengubahsuaian / menaik taraf premis perniagaan;
- Pembelian mesin atau peralatan; dan
- Modal kerja untuk pembelian stok.

Jumlah Pinjaman: RM30,000 hingga RM80,000

Tempoh Pinjaman: Sehingga 15 tahun

Faedah Pinjaman: 3% setahun atas baki bulanan

### EMPAT STRATEGI UTAMA PELAKSANAAN TUKAR:

- Memodenkan premis peruncit tradisional sedia ada;
- Menaiktaraf premis peruncit tradisional sedia ada;
- Menggalakkan penyertaan koperasi dalam bidang peruncitan; dan
- Mewujudkan pusat pengedaran setempat.

### BAGAIMANA UNTUK MENYERTAI PROJEK TUKAR:

#### Hubungi

- **Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad (KOJADI)**

11th Floor, Wisma MCA,

163, Jalan Ampang

50450 Kuala Lumpur

Tel: +6 03 2161 6499

Faks: +6 03 2161 2840

Laman Web: <http://kojadi.my>

#### atau

- **Konsultan:**



### Persekutuan Persatuan-Persatuan Peniaga-Peniaga Barang-Barang Runcit Malaysia (1978)

No.20-2, Jalan 1/92B,

Pudu Ulu, Off Jalan Cheras

56100 Kuala Lumpur

Tel: +6 03 9205 5966

Faks: +6 03 9205 5977

Laman Web: <http://fsgmam.gbs2u.com>